

**Isteri Presiden Vietnam Lawat Pusat Anak Permata Negara
Bernama
29 September , 2011**

PUTRAJAYA, 29 Sept (Bernama) -- Isteri Presiden Vietnam Mai Thi Hanh Khamis melawat Pusat Anak Permata Negara di Presint 16 di sini.

Beliau diiringi isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor yang juga Penaung Program Permata Negara.

Semasa lawatan itu, isteri Presiden Vietnam itu diberikan penerangan mengenai perjalanan dan operasi pusat itu yang dikhaskan untuk kanak-kanak berusia satu hingga empat tahun.

Mai turut menyaksikan beberapa aktiviti yang dijalankan di pusat berkenaan seperti melukis, menyanyi dan penyediaan makanan.

Mai, yang mengiringi suami Truong Tan Sang untuk lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia, kemudian melawat Pusat Kraf di Jalan Conlay, Kuala Lumpur.

---BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=616616>